



# Laporan Indeks Perdagangan Semula Carousell

(Edisi Ulang Tahun Ke-10)



Satu Inisiatif **Carousell Green**





---

4	Apakah perdagangan semula
7	Mengapa pilih barangan terpakai
9	Sedekad perdagangan semula
12	Impak Kumpulan Carousell lebih sedekad
15	Masa depan perdagangan semula
17	Mengenai Kumpulan Carousell
20	Metodologi
22	Nota akhir

Dalam dekad yang lepas, pengguna jenama sekeluarga Kumpulan Carousell kami secara kolektif telah memanjangkan hayat lebih 492 juta barangan<sup>1</sup> dengan menyenaraikannya untuk dijual.

Indeks Perdagangan Semula Carousell (Edisi Ulang Tahun ke-10) bertujuan untuk menggambarkan bagaimana Carousell telah memacu perdagangan semula di Asia Tenggara, Hong Kong dan Taiwan, dan impak yang dibawa oleh komuniti kami dengan membeli dan menjual barangan terpakai.





**Apakah  
perdagangan  
semula?**

Perdagangan semula atau perdagangan berbalik (*recommerce*) merujuk kepada penjualan dan pembelian produk yang pernah dimiliki sebelum ini, termasuklah dalam keadaan baharu dan juga terpakai. Ini memanjangkan kitaran hayat produk, mengurangkan jejak alam sekitar produk dan mengurangkan penggunaan berlebihan.

Sebagai kumpulan perdagangan semula yang terkemuka di Asia Tenggara, Hong Kong dan Taiwan, Carousell telah berinovasi cara untuk menjadikan pembelian barang terpakai suatu proses yang dipercayai dan mudah seperti membeli barangan baharu.

Komuniti kami telah secara aktif membeli, menjual dan memberikan barangan terpakai sejak sedekad yang lalu: sama ada sebagai penjual kasual yang mengemas rumah mereka, peniaga yang menjual produk terpakai, usahawan yang membuat barangan baharu berkualiti menggunakan barangan lama/terbuang (*upcycling*) atau pembekal perkhidmatan mengubahsuai dan membaiki barangan lama.

Bersama kita berusaha ke arah masa depan yang lebih hijau dan mampan.



---

Perdagangan ditakrifkan semula, di mana barangan terpakai menjadi pilihan pertama.



“ Kami mengimpikan dunia di mana orang ramai secara intuitif menjual barangan mereka yang kurang digunakan dan bukan membiarkannya menjadi sisa atau sampah, dan di mana orang lain membelinya sebagai pilihan pertama.

**10 tahun dari sekarang,  
kami akan menjadikan barang  
terpakai sebagai cara hidup.**


“  
**Lucas, Marcus, Siu Rui**  
Pengasas bersama, Carousell



**Mengapa  
pilih barangan  
terpakai?**


55% orang Asia mengatakan mereka membeli-belah secara mampan kerana kebimbangan tentang perubahan iklim dan impak alam sekitar.<sup>1</sup>

Dalam kajian oleh iAB dan Kumpulan Media Carousell, purata 41% responden di seluruh Hong Kong, Malaysia, Filipina, Singapura dan Vietnam menyatakan mereka membeli dan menjual barang terpakai di pasaran Kumpulan Carousell.<sup>2</sup>




Mengapa pilih barangan terpakai?

Lebih separuh daripada responden kajian (56%) menjual di pasaran kami atas sebab mengemas, dengan menyediakan ruang untuk item baharu (36%) dan menjana pendapatan sampingan (33%) merupakan dua sebab lain yang paling popular.<sup>3</sup>



Faktor kemampan adalah motivasi utama untuk membeli barang terpakai dalam kalangan responden kajian, dengan 23% berbuat demikian atas kebimbangan perubahan iklim dan 37% untuk mengurangkan kesan alam sekitar mereka.<sup>4</sup>








**Sedekad  
perdagangan  
semula**

---


Carousell diwujudkan pada tahun 2012 bagi **menyelesaikan masalah penggunaan berlebihan dengan teknologi**. Masa tu, tidak wujud cara mudah untuk menjual barangan terpakai, dan meskipun menerusi pengiklanan dalam talian, ia mengambil masa purata 30 minit untuk menyenaraikan satu barangan.

Kami mempelopori versi iklan mudah alih di mana pengguna hanya memerlukan 30 saat untuk mengambil, menyenarai dan menjual. Proses pembelian adalah semudah perbualan. Iklan mudah alih membenarkan penyenaian berasaskan gambar yang cantik dan fungsi-fungsi seperti menyemak imbas mengikut lokasi.

Sepanjang dekad yang lalu, kami terus berinovasi dan menambahbaik platform kami untuk pengalaman membeli dan menjual yang lebih lancar, membayangkan semula iklan dalam dunia yang mengutamakan AI dan berkembang bersama komuniti kami dengan menangani keperluan yang berbeza.



## Garis masa bagaimana Carousell merintis perdagangan semula





# Impak Kumpulan Carousell lebih sedekad

Bersempena ulang tahun ke-10, kami mengimbas semula bagaimana komuniti kolektif kami di seluruh jenama sekeluarga Kumpulan Carousell telah menjadikan barangan terpakai pilihan pertama mereka.

Sepanjang dekad yang lalu, sebagai sebuah Kumpulan, kami telah melanjutkan kitaran hayat<sup>1</sup>



dan jutaan lagi barangan-barangan lain.

### 3 kategori teratas yang paling popular bagi menjual barangan terpakai mengikut pasaran<sup>1</sup>

Hong Kong	Hobi & Mainan	Fesyen	Barangan Mewah
Indonesia	Fesyen	Bayi & Kanak-kanak	Kesihatan & Kecantikan
Malaysia	Fesyen	Alatan Elektronik	Kereta
Myanmar	Alatan Elektronik	Motosikal	Kereta
Filipina	Fesyen	Hobi & Mainan	Bayi & Kanak-kanak
Singapura	Fesyen	Hobi & Mainan	Rumah & Perabot
Taiwan	Fesyen	Kesihatan & Kecantikan	Alatan Elektronik
Vietnam	Alatan Elektronik	Motosikal	Dapur & Perkakas

### Kategori paling popular untuk menjual barangan terpakai mengikut jenama Kumpulan<sup>1</sup>

<b>Carousell</b>  Fesyen Wanita	<b>Chợ Tốt</b>  Telefon Bimbit	<b>Laku6</b>  Telefon Bimbit
<b>Mudah.my</b>  Telefon Bimbit	<b>OneKyat</b>  Telefon Bimbit	<b>One Shift</b>  Kereta
<b>Ox Luxe</b>  Barangan Mewah	<b>Ox Street</b>  Barangan Mewah	<b>Refash</b>  Fesyen

## Kategori paling popular barangan terpakai yang dilayari<sup>2</sup>

1	Fesyen
2	Hobi & Mainan
3	Rumah & Perabot
4	Alatan Elektronik
5	Barangan Mewah
6	Kesihatan & Kecantikan
7	Motosikal
8	Bayi & Kanak-kanak
9	Kereta
10	Dapur & Perkakas










## 3 kategori teratas barangan terpakai yang paling popular dilayari mengikut pasaran<sup>2</sup>

Hong Kong	Hobi & Mainan	Rumah & Perabot	Fesyen
Indonesia	Fesyen	Alatan Elektronik	Kesihatan & Kecantikan
Malaysia	Fesyen	Kereta	Hobi & Mainan
Myanmar	Alatan Elektronik	Motosikal	Kereta
Filipina	Fesyen	Hobi & Mainan	Alatan Elektronik
Singapura	Fesyen	Hobi & Mainan	Rumah & Perabot
Taiwan	Fesyen	Rumah & Perabot	Barangan Mewah
Vietnam	Alatan Elektronik	Motosikal	Rumah & Perabot

## 3 kata kunci yang paling banyak dicari sepanjang masa ini bagi barangan terpakai mengikut pasaran<sup>3</sup>

Hong Kong	(Nintendo) Switch	CHANEL	LEGO
Indonesia	ZARA	H&M	Uniqlo
Malaysia	IKEA	BTS	Nike
Filipina	ZARA	Uniqlo	iPhone
Singapura	Rolex	AG06 (alatan audio Yamaha Channel)	Road Bike (basikal)
Taiwan	Nike	Adidas	(Nintendo) Switch
Vietnam	loa (pembesar suara)	Komputer Riba	tivi (TV)

## Barangan terpakai paling popular yang pengguna berminat untuk beli mengikut jenama Kumpulan<sup>4</sup>

<b>Carousell</b>  Mainan	<b>Chợ Tốt</b>  Motosikal
<b>Laku6</b>  iPhone	<b>Mudah.my</b>  Kereta
<b>OneKyat</b>  Telefon Bimbit	<b>One Shift</b>  Kereta
<b>Ox Luxe</b>  Barangan Mewah	<b>Ox Street</b>  Air Jordan
<b>Refash</b>  Pakaian Wanita	



# Masa depan perdagangan semula

Daripada pasaran iklan pengguna-ke-pengguna (C2C), kami telah berkembang menjadi platform berbilang kategori untuk barangan terpakai di Asia Tenggara, Hong Kong dan Taiwan—sama ada telefon atau hartanah, anda boleh menemuinya di Carousell. Kami percaya membeli barangan terpakai boleh dipercayai dan mudah seperti membeli barangan baharu. Kami telah berusaha dan membina keupayaan tambahan untuk menawarkan lebih banyak ciri dan perkhidmatan kepada pengguna yang kami percaya akan mempercepatkan perdagangan semula dekad seterusnya.



Kami mempunyai teknologi diagnostik jarak jauh AI yang tersendiri dan pertama seumpamanya untuk memperakui keadaan telefon bimbit terpakai berdasarkan skala. Penyelesaian hakmilik kami ini mampu memeriksa kedua-dua perisian dan perkakasan, termasuk segala-galanya daripada fungsi kepada kerosakan yang boleh dilihat pada bahagian luar telefon. Sepanjang tahun lepas sahaja, Laku6 telah memeriksa dan mengurus niaga lebih setengah juta telefon bimbit.”

#### Alvin Yap

Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif, Laku6



Pasaran jualan semula beg tangan mewah telah berkembang sejak beberapa tahun kebelakangan ini dengan kebimbangan kemelesetan ekonomi serta kenaikan harga oleh jenama mewah. Pengguna mahukan jaminan keaslian dan keselamatan transaksi apabila membeli barangan bernilai tinggi. Carousell memulakan Ox Luxe tahun ini untuk menyediakan perkhidmatan baharu untuk barangan mewah terpakai dengan pengalaman pembeli 7 bintang dan penghantaran antarabangsa.”

#### Sean Lim

Pengarah Urusan, Ox Luxe



Pasukan kami mempunyai pengalaman lebih sedekad dalam perkhidmatan transaksi automotif dan kepakaran editorial, menyediakan perjalanan pembelian yang lancar daripada penyelidikan hingga ke pembiayaan kewangan. Kami mempunyai pilihan kereta dan motosikal yang besar dan pelbagai pada harga yang kompetitif, daripada pembelian terus dari penjual pasaran Carousell kami kepada pengedar sah kami.”

#### Sanjay Shivkumar

Ketua, Carousell Autos



Adalah sukar bagi orang awam untuk membezakan karya asli daripada karya palsu, apatah lagi dalam talian. Kami mempunyai pasukan di Ox Street yang mengesahkan setiap kasut yang kami jual, dan memberikan kemudahan tambahan dengan perkhidmatan hujung-ke-hujung daripada pembayaran kepada penghantaran untuk transaksi merentas pasaran. Tahun ini, kami juga telah berkembang dengan memasukkan kategori ‘Terpakai’ bagi produk lusuh dan gred B.”

#### Gijs Verheijke

Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif, Ox Street



Membeli barangan terpakai atau *thrifting* adalah membeli-belah dengan niat dan dengan pendirian teguh terhadap kemampuan. Melalui rangkaian kedai fizikal kami, kami membolehkan pengguna yang kesuntukan masa untuk mengemaskan almari mereka dan menjual pakaian terpakai dengan cara yang cepat dan mudah, serta memanjangkan kitaran hayat berjuta-juta barangan fesyen.”

#### Aloysius Sng

Pengasas, Refash







# Mengenai Kumpulan Carousell

---

Kumpulan Carousell ialah platform berbilang kategori terkemuka untuk barangan terpakai di Asia Tenggara, Hong Kong dan Taiwan yang membawa misi untuk menginspirasi dunia untuk mula menjual, dan menjadikan barangan terpakai sebagai pilihan pertama.

Diasaskan pada Ogos 2012 di Singapura, Kumpulan ini mempunyai kehadiran terkemuka di lapan pasaran di bawah jenama Carousell, Chợ Tốt, Laku6, Mudah.my, OneKyat, Ox Luxe, Ox Street dan Refash, yang melayani berpuluh juta pengguna aktif bulanan. Carousell disokong oleh pelabur utamanya termasuklah Telenor Group, Rakuten Ventures, Naver, STIC Investments dan Sequoia Capital India.

Lawat di sini untuk maklumat lanjut.



Carousell ialah pengiklanan berbilang kategori dan pasaran perdagangan semula yang menjadikan proses penjualan semudah mengambil gambar, dan proses pembelian semudah perbualan. Pasaran Carousell mempunyai pelbagai rangkaian produk merentas pelbagai kategori, termasuk kereta, gaya hidup, gajet dan aksesori fesyen.



Ditubuhkan pada 2012, Chotot.com ialah laman web pengiklanan dalam talian terkemuka di Vietnam dengan lebih daripada 500 juta paparan halaman bulanan. Dengan moto "Muốn Là Có" ("Cara Mendapati Apa yang Dikehendaki"), Chotot.com menyediakan pasaran dalam talian yang berkesan untuk orang Vietnam membeli dan menjual pelbagai jenis produk dengan mudah.



Laku6 ialah platform dagangan semula elektronik hujung-ke-hujung AI yang terkemuka di Indonesia di mana teknologi kami telah membantu lebih 500,000 pengguna menjual alat mereka secara langsung secara tunai atau melalui Tukar Tambah dengan Rakan Kongsi e-Dagang terkemuka dan di lebih 1,000 kedai runcit luar talian.



Mudah.my Sdn. Bhd ialah platform digital terbesar Malaysia untuk menjual dan mencari hampir apa sahaja – Semua Pun Mudah! Misi Mudah.my adalah untuk mendemokrasikan perdagangan dengan memperkasakan semua orang, terutamanya individu dan usahawan baharu, dengan menyediakan platform dengan peluang setaraf bagi semua.



Ditubuhkan pada 2015, OneKyat ialah syarikat *start-up* digital tempatan yang berpangkalan di Yangon, dan kini merupakan pasaran dalam talian terbesar untuk menjual dan membeli di Myanmar dengan lebih daripada sejuta muat turun.

## OneShift

by  carousell

Ditubuhkan pada Disember 2005 dan berpangkalan di Singapura, OneShift ialah platform automotif dalam talian yang dipercayai untuk orang ramai menyelidik dan menemui kereta dan motosikal baharu dan terpakai di Singapura. OneShift oleh Carousell membantu pemilik menjual kereta atau motosikal mereka bagi pihak mereka dengan harga tertinggi di Singapura kepada pembeli dengan bantuan pasaran Carousell dan kepada rangkaian luas pengedar sah kami. OneShift oleh Carousell juga beroperasi sebagai *conciierge* untuk membantu penjual dan pembeli dengan semua keperluan automotif mereka.

## OX LUXE

BY  carousell

Ox Luxe ialah platform paling mudah dan selamat untuk menjual dan membeli produk mewah terpakai. Diasaskan pada 2022 oleh Kumpulan Carousell, kumpulan perdagangan semula terkemuka di Asia Tenggara dan Taiwan, Ox Luxe memberi impak kepada masa depan yang mampan dengan menjadikan produk mewah terpakai lebih mudah diakses. Ox Luxe menawarkan harga belian tertinggi di pasaran dan penghantaran antarabangsa.

## OX STREET

Platform kasut dan pakaian jalanan terkemuka Ox Street ialah pasaran sosial pertama untuk Gen Z di Asia Tenggara, memfokuskan pada kasut dan pakaian jalanan (*streetwear*). Misi kami adalah untuk memecahkan sempadan lama antara sosial, membeli-belah dan permainan dalam satu platform untuk Gen Z menemukan, membeli, menjual dan memaparkan kasut dan pakaian jalanan. Gen Z ialah pasaran yang semakin berkembang, dengan 85 juta pengguna di Asia Tenggara, yang diramalkan membelanjakan USD 128 bilion untuk barangan fesyen pada tahun 2025.

## REFASH

Refash telah mengubah maksud membeli dan menjual fesyen terpakai, dan ia mahu menyemarakkan generasi baharu pengguna untuk “berfikir seperti baharu” bagi masa depan yang lebih mampan. Setakat ini, Refash telah memproses lebih 5 juta helai pakaian yang sepatutnya pergi ke tapak pelupusan sampah. Dengan misi untuk ‘memberi inspirasi kepada generasi pengguna akan datang supaya memikirkan yang terpakai dahulu’, Refash kini telah berkembang ke 13 kedai fizikal di seluruh pulau dan semakin bertambah, menawarkan pengalaman membeli barangan terpakai untuk semua. Mulakan pengalaman barangan terpakai anda di Refash hari ini.

---

# Metodologi

Laporan ini disediakan oleh Pasukan Komunikasi Carousell, dengan sokongan Pasukan Kepimpinan, Data dan Pemasaran dari seluruh jenama sekeluarga Kumpulan Carousell.

Laporan ini bergantung kepada data daripada jenama sekeluarga Kumpulan Carousell yang menggunakan metodologi berbeza untuk mengukur analisis platform. Memandangkan kebanyakan jenama adalah platform pasaran, banyak data bergantung pada maklumat janaan pengguna yang tersedia oleh pengguna semasa membuat penyenaian.

Butiran mengenai unit ukuran telah ditunjukkan sebagai nota akhir. Laporan ini memberi tumpuan semata-mata pada barangan terpakai, dan sejauh mana yang boleh, tidak termasuk barangan keadaan serba baharu.

Untuk jadual dengan data dibahagikan mengikut pasaran, pecahan jenama yang disertakan adalah seperti berikut:

- Hong Kong: Carousell
- Indonesia: Carousell and Laku6
- Malaysia: Carousell and Mudah.my
- Myanmar: OneKyat
- Filipina: Carousell and Ox Street
- Singapura: Carousell, One Shift, Ox Luxe, Ox Street, Refash
- Taiwan: Carousell
- Vietnam: Chợ Tốt

---

# Penafian

Maklumat yang terkandung di dalam dokumen ini telah disediakan oleh Carousell Pte Ltd (“Syarikat”) untuk kegunaan eksklusif pihak yang Syarikat kongsi dokumen ini. Dokumen ini telah disediakan hanya untuk tujuan memberi maklumat dan tidak boleh ditafsirkan sebagai ajakan atau tawaran untuk membeli atau menjual mana-mana saham, instrumen berkaitan kewangan, aset atau perniagaan Syarikat atau mana-mana pihak lain.

Syarikat dengan tegas menolak mana-mana dan semua tanggungjawab yang berkaitan atau terhasil daripada penggunaan dokumen ini dan tidak berkewajiban untuk mengemaskini atau menyemak semula bahan yang disertakan.

Ita tidak boleh disalin, diterbitkan semula, diambil petikannya, diringkaskan, diedarkan atau didedahkan, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, kepada mana-mana orang lain atau sebaliknya digunakan dalam cara apapun untuk sebarang tujuan lain tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Syarikat. Dokumen ini tidak bertujuan untuk mengandungi semua maklumat yang mungkin diperlukan oleh mana-mana pihak, dan tidak boleh dianggap sebagai perakuan kepada mana-mana transaksi atau perkara lain. Tiada transaksi, pelaburan, penjualan pelaburan, kewangan atau keputusan atau tindakan lain yang boleh disandarkan kepada maklumat di dalam dokumen ini semata-mata. Tiada yang terkandung di dalam dokumen ini yang boleh ditafsirkan sebagai nasihat perundangan, peraturan, percukaian, perakaunan atau pelaburan atau cadangan.

Syarikat tidak membuat perwakilan atau jaminan, tersurat atau tersirat, mengenai ketepatan atau kesempurnaan maklumat yang terkandung di dalamnya, dan ia tidak akan memikul sebarang tanggungjawab terhadap maklumat tersebut. Dokumen ini mungkin mengandungi pernyataan berpandangan ke hadapan, termasuk unjuran dan ramalan tanpa had, yang berkenaan dengan jangkaan prestasi masa hadapan Syarikat dan/atau pasarnya, portfolio produk masa hadapan, teknologi baharu. Pernyataan berpandangan ke hadapan tersebut menggambarkan pelbagai andaian pengurusan Syarikat pada tarikh dokumen ini, dan tertakluk kepada risiko perniagaan, ekonomi dan persaingan yang ketara, ketidakpastian dan kemungkinan, yang kebanyakannya tidak diketahui dan di luar kawalan Syarikat.

Oleh yang demikian, tiada jaminan bahawa pernyataan berpandangan ke hadapan tersebut akan direalisasikan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada keputusan yang dijangkakan dan variasi tersebut mungkin penting. Maklumat tertentu yang melibatkan trend ekonomi atau pasaran dan prestasi mungkin berdasarkan kepada atau dirumuskan daripada maklumat yang disediakan oleh perunding pihak ketiga dan sumber industri lain.

Syarikat tidak dapat menjamin ketepatan maklumat tersebut dan belum mengesahkan andaian yang berdasarkan kepada maklumat tersebut secara bebas. Tidak ada jaminan bahawa mana-mana anggaran atau unjuran ini akan dapat dicapai. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini dan unjuran dan perbezaan tersebut mungkin penting. Tiada yang terkandung dalam dokumen ini adalah, atau harus disandarkan sebagai, janji atau perwakilan tentang masa lalu atau masa hadapan.

Maklumat di dalam dokumen ini tidak ditujukan kepada penduduk di mana-mana bidang kuasa atau negara dan tidak dimaksudkan untuk diedarkan kepada, atau digunakan oleh, mana-mana penduduk di mana-mana bidang kuasa atau negara di mana pengedaran atau penggunaannya bertentangan dengan undang-undang atau peraturan tempatan.

Harap maklum bahawa dokumen ini telah diterjemahkan ke bahasa Melayu dan Cina, sekiranya terdapat sebarang percanggahan dalam maksud mana-mana peruntukan teks bahasa Inggeris dengan teks bahasa Melayu dan/atau bahasa Cina dokumen ini, teks bahasa Inggeris akan diutamakan.

---

# Nota akhir

## Gambaran keseluruhan

- 1 Jumlah penyenaian dalam talian dan luar talian barangan terpakai di Carousell, Chợ Tốt, Mudah.my, OneKyat, One Shift, Ox Luxe, Ox Street dan Refash yang dibuat sejak Ogos 2012 atau tarikh pemerbadanan untuk jenama baharu.

## Mengapa pilih barangan terpakai?

- 1 Interactive Advertising Bureau Southeast Asia and India, & Carousell Media Group. (2022). Sikap Terhadap Beli-Belah dan Kemampanan di Seluruh Asia Tenggara dan Hong Kong (pp. 13) (n= 61,600).
- 2 Ibid, 30.
- 3 Ibid, 27.
- 4 Ibid, 29.

## Impak Kumpulan Carousell lebih sedekad

- 1 Berdasarkan jumlah penyenaian barangan terpakai dicipta di Carousell, Chợ Tốt, Mudah.my, OneKyat, One Shift, Ox Luxe, Ox Street dan Refash sejak Ogos 2012 atau tarikh pemerbadanan jenama lebih baharu.
- 2 Berdasarkan jumlah purata MAU bagi setiap kategori pada peringkat Kumpulan dari 1 Jan 2019 hingga 31 Jul 2022. Setiap ranting kategori jenama telah dipetakan semula kepada ranting kategori yang lebih luas untuk perbandingan lebih mudah.
- 3 Berdasarkan jumlah carian kata kunci untuk setiap jenama yang tersedia di pasaran. Sila rujuk bahagian Metodologi untuk pecahan jenama dalam setiap pasaran.
- 4 Berdasarkan purata MAU dalam setiap sub-kategori untuk setiap jenama dari 1 Jan 2019 (atau tarikh pemerbadanan jenama jika selepas 1 Jan 2019) hingga 31 Jul 2022. Nama asal jenama sub-kategori telah dikekalkan untuk memudahkan rujukan di platform sebenar.



[press.carousell.com/carousell-green](https://press.carousell.com/carousell-green)